

19 NOV 1999

Mahathir-Pilihan raya

JANGAN KELIRU DENGAN TUJUAN PILIHAN RAYA, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 19 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini berkata rakyat tidak harus terkeliru dengan tujuan utama pilihan raya diadakan iaitu untuk memilih kerajaan yang boleh membawa kemajuan kepada negara.

Beliau berkata ini kerana akhir-akhir ini parti-parti pembangkang cuba memesonkan pemikiran rakyat mengenai tujuan utama pilihan raya diadakan, semata-mata untuk memancing undi.

Tujuan mereka mengelirukan rakyat ialah supaya rakyat membuat pilihan yang salah, katanya pada perjumpaan dengan orang ramai di Bangunan Pasukan Bomba Sukarela Tunjang, dekat sini.

"Mereka berbuat demikian agar rakyat terkeliru dan memilih mereka, bukannya parti yang layak," kata Dr Mahathir.

Cara mereka, katanya, ialah menimbulkan kebencian rakyat terhadap kerajaan, Barisan Nasional dan pemimpin, dengan harapan agar apabila rakyat membenci ketiga-tiga itu, rakyat akan memilih mereka.

Perdana Menteri berkata ekoran daripada itu, pelbagai fitnah ditujukan kepada BN dan beliau sendiri, termasuk menggelarkan dirinya dengan pelbagai nama.

Semua ini dilakukan sebagai satu cara terdesak yang baru dilakukan pembangkang untuk rakyat membencikan pemimpin walaupun tuduhan itu sama-sekali tidak benar, katanya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Barisan Nasional dan Presiden Umno, berkata pembangkang juga cuba mengelirukan rakyat kononnya pembangunan di negara ini tetap akan wujud tanpa mengira parti mana yang memerintah.

Beliau mengingatkan rakyat bahawa tidak semua parti yang memerintah mempunyai kecekapan membangunkan rakyat.

"Lihat saja contoh di Kelantan dan Sabah. Bila pembangkang memerintah, rakyatnya menjadi miskin.

"Banyak rakyat Kelantan lari keluar dari negeri itu mencari kerja di Kedah, Johor dan Singapura kerana kerajaan Pas tidak mampu dan tidak bijak mentadbir negeri itu," katanya.

Perdana Menteri berkata BN (dahulunya Perikatan) sudah terbukti boleh memerintah dan memajukan negara.

Malahan kerajaan BN telah terbukti bukan sahaja mampu menunaikan janji-janjinya kepada rakyat tetapi membawa pembangunan lebih daripada apa yang dijanjikan, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan BN tidak pernah membuat janji yang tidak boleh ditunaikan, tidak seperti pembangkang apabila membuat janji kepada rakyat.

"Pangkahlah dacing kerana ia timbang sama adil. Bulan tidak menentu. Bulan 15 ia mengambang, satu haribulan tak nampak apa-apa," katanya.

Dr Mahathir berkata parti pembangkang juga menggunakan agama untuk memancing undi termasuk menyalah tafsirkan ayat-ayat Al-Quran untuk kepentingan politik mereka.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir mengesahkan sekali lagi yang beliau akan mempertahankan kerusi Parlimen Kubang Pasu yang disandangnya sejak 1974.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah dan timbalan ketua Umno bahagian Kubang Pasu Tan Sri Osman Aroff.

-- BERNAMA

TM NMO

